


RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jadual Pertama – Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)



PENGGERAK PROJEK & PERUNDING ALAM SEKITAR



PENGGERAK PROJEK
DING CHUA COPPER INDUSTRY SDN. BHD.
A-7-0-1, Block A.
Megan Salak Park, Jalan 2/125E,
Taman Desa Petaling,
57100 Kuala Lumpur.



PERUNDING ALAM SEKITAR
JAYA JAYA CLEANTECH SDN. BHD.
40, Jalan Pertama,
Pusat Perdagangan Danga Utama,
81300 Skudai,
Johor Darul Ta'zim.



KEPERLUAN PERUNDANGAN

Dijalankan mengikut Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974



Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar) 2015

Jadual Pertama, Aktiviti 14 – Pengolahan Dan Pelupusan Buangan:

(a) Buangan Terjadual: (i) Pembinaan loji pulih guna (Luar tapak).

KENYATAAN KEPERLUAN

Selaras dengan kerangka Pembangunan Strategik Kerajaan Negeri, projek ini secara ringkas bertujuan untuk memenuhi keperluan berikut:

- Untuk menerima SW 104, SW 110 dan SW 422 daripada fasiliti kitar semula logam tempatan;
- Untuk memulih bahan berharga seperti kuprum daripada aliran sisa SW 104, SW 110 dan SW 422 melalui proses pemuliharaan yang mesra alam;
- Produk yang dipulihkan menyumbang kepada pengurangan aktiviti perlombongan dan penulenan logam yang perlu dilakukan bagi memenuhi permintaan stok logam; dan
- Pelaksanaan loji pulih guna ini juga akan menjana manfaat ekonomi lain, seperti mewujudkan peluang pekerjaan bagi mereka yang berkemahiran dan hasil pendapatan kepada kerajaan negeri.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jadual Pertama – Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)





Rancangan Tempatan Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian)

Projek yang dicadangkan terletak dalam Kawasan Perindustrian sedia ada iaitu di **Blok Perancangan Kecil (BPK) 4.6: Kanthan** dalam Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, Perak dan dibawah Kawasan Perindustrian Kanthan.

- Dibawah Blok Perancangan 4 dan dikategorikan sebagai **taman perindustrian utama**

Perumahan	2,899.82
Pengangkutan	1,735.59
Industri	1,525.28
Komersial	608.16
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	344.79
Infrastruktur dan Utiliti	370.51
Tanah Lapang dan Rekreasi	291.40
Badan Air	327.85
Hutan	217.16
JUMLAH KESELURUHAN	12,178.70



PENERANGAN PROJEK

LOKASI PROJEK:

- Sebahagian daripada Lot 217509 dengan keluasan 4.021 hektar (9.936 ekar), yang pada asalnya merupakan premis pembuatan dan pemprosesan kayu milik UB Framework Sdn. Bhd.

AKSES PROJEK:

- Boleh diakses melalui jalan utama iaitu Jalan Kuala Kangsar 1 (Laluan Persekutuan 1).

- Projek yang dicadangkan merupakan sebuah kemudahan luar tapak bagi pemulihan jenis-jenis sisa terjadual SW 104, SW 110 dan SW 422.
- Terletak dalam zon perindustrian sedia ada.
- Kemudahan ini akan menggunakan relau kupola (*Cupola Furnace*) dan dilengkapi dengan sistem kawalan pelepasan berteknologi seperti penapis beg, pemadam elektrostatik dan sistem suntikan kapur.
- Loji ini menggunakan sistem pelepasan sifar (*zero-discharge*) dan penyejukan gelung tertutup (*closed-loop*).

PERSEKITARAN SEDIA ADA

PERSEKITARAN FIZIKAL



Topografi tapak projek menunjukkan kecerunan tanah yang rendah, iaitu dengan cerun < 15°, menandakan kawasan bertanah rata yang sesuai untuk pembangunan.

TOPOGRAFI



Komponen guna tanah dalam radius 500 meter dari Kawasan Projek merangkumi zon perindustrian, kawasan kediaman, ladang pertanian (kelapa sawit, akuakultur, penanaman tanaman makanan), serta badan air seperti Sungai Pari dan tasik.

GUNA TANAH



Berhampiran hulu Sg. Pari.

HIDROLOGI



Tapak Projek terletak dalam Kawasan yang diliputi oleh Formasi Kuarter, yang terdiri daripada lapisan geologi tidak terbeza seperti tanah liat, kelodak (*silt*), pasir dan batu kerikil.

GEOLOGI



Merangkumi kawasan perindustrian dan perumahan.

SOSIO-EKONOMI


RINGKASAN EKSEKUTIF

Jadual Pertama – Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)

PROGRAM PEMANTAUAN GARIS ASAS (BASELINE)


Stesen Pemantauan Kualiti Udara, Bunyi dan Getaran

Stesen	Koordinat	Penerangan
ANV1	101° 6' 43.97" E 4° 45' 9.80" N	Sempadan tapak projek yang dicadangkan
ANV2	101° 7' 5.76" E 4° 45' 3.81" N	Taman Kanthan Baru
ANV3	101° 7' 0.57" E 4° 45' 39.04" N	Kanthan Malai Sri Maha Kalliamman Temple
ANV4	101° 7' 4.32" E 4° 44' 5.23" N	Taman Chemor Ria



Stesen Pemantauan Kualiti Air

Stesen	Koordinat	Penerangan
WQ1	4° 45' 17.62" N 101° 6' 55.96" E	Hulu Sungai Pari (Luar Tapak Projek)
WQ2	4° 45' 8.73" N 101° 6' 48.45" E	Titik Pelepasan Akhir (Dalam Tapak Projek)
WQ3	4° 45' 4.26" N 101° 6' 44.44" E	Hulu Sungai Pari (Luar Tapak Projek)
WQ4	4° 43' 45.86" N 101° 6' 4.58" E	Pertengahan Aliran Sungai Pari (Luar Tapak Projek)
WQ5	4° 41' 3.92" N 101° 6' 6.00" E	Pertengahan Aliran Sungai Pari (Luar Tapak Projek)
WQ6	4° 34' 58.20" N 101° 4' 12.04" E	Hilir Sungai Pari (Luar Tapak Projek)
WQ7	4° 34' 38.86" N 101° 4' 4.67" E	Sungai Kinta (Luar Tapak Projek)



RUJUKAN EKSEKUTIF

Jadual Pertama – Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)

PROGRAM PEMANTAUAN ALAM SEKITAR

Objektif pelaksanaan program pemantauan alam sekitar adalah untuk memberi amaran awal kepada pihak pengurusan terhadap insiden pencemaran atau kesan yang tidak diingini terhadap alam sekitar.

PEMANTAUAN PRESTASI (PM) – Beg Penapis		
Kekerapan	Prosedur	Ulasan
Harian	Melakukan pemeriksaan penurunan tekanan pada sistem. Melakukan pemeriksaan pada cerobong secara visual atau menggunakan meter kelegapan. Melakukan pemeriksaan menyeluruh pada sistem dan mendengar bunyi operasi. Melakukan pemeriksaan untuk mengesan sebarang ketidaknormalan proses operasi sistem. Memerhati dan memantau petunjuk pada panel kawalan. Melakukan pemeriksaan terhadap tekanan udara termampat.	Orang Yang Berwibawa (OYB) yang dilantik hendaklah menjalankan penyelenggaraan pencegahan bagi penapis beg (<i>bag filter</i>) dalam Sistem Kawalan Pencemaran Udara (APCS).
Mingguan	Melakukan pemeriksaan skru-pengangkut bagi memastikan pelinciran mencukupi. Melakukan pemeriksaan ke atas kelenjar (<i>glands</i>) pembungkusan. Melakukan pengoperasian injap redam (<i>dampner valve</i>). Memeriksa saluran udara termampat, serta penapis saluran dan pengering. Memeriksa injap berfungsi dengan betul semasa urutan pembersihan beg. Melakukan pengesanan terhadap ketepatan penunjuk suhu. Memeriksa peralatan penunjuk penurunan tekanan bagi mengenal pasti saluran tersumbat.	
Bulanan	Melakukan pemeriksaan ke atas semua komponen bergerak dalam mekanisme gegaran. Melakukan pemeriksaan terhadap kipas bagi mengesan pengumpulan habuk atau hakisan. Melakukan pemeriksaan ke atas tali sawat pemacu bagi mengesan kehausan dan ketegangan. Melakukan pemeriksaan ke atas komponen berkaitan dan lakukan pelinciran. Melakukan pemeriksaan terhadap ketegangan beg penapis. Melakukan pemeriksaan bagi mengesan kebocoran pada beg penapis. Melakukan pemeriksaan ke atas hos dan pengapit. Menyemak ketepatan peralatan petunjuk bagi memastikan bacaan parameter adalah tepat. Melakukan pemeriksaan perumahan (<i>housing</i>) bagi mengesan sebarang kakisan.	
Suku Tahunan	Melakukan pemeriksaan kehausan pada plat sekat (<i>baffle plate</i>). Melaksanakan pemeriksaan menyeluruh ke atas beg penapis. Melaksanakan pemeriksaan ke atas saluran bagi mengenal pasti pengumpulan habuk. Melaksanakan pemeriksaan terhadap injap redam (<i>dampner valve</i>) Melaksanakan pemeriksaan ke atas penebat (<i>gasket</i>) pintu. Melaksanakan pemeriksaan ke atas lapisan cat, penebat dan komponen lain. Melakukan pemeriksaan skru pengangkut untuk sebarang kehausan atau hakisan. Periksa tali sawat kipas.	
Tahunan	Periksa Kimpalan. Laksanakan pemeriksaan kehausan pada corong.	

Pemantauan Alam Sekitar	Komponen	Parameter / Status Pemantauan Prestasi	Had yang Ditetapkan	Lokasi Pemantauan	Kekerapan
Pemantauan Pematuhan (CM)	Kualiti Udara	Jumlah Habuk Halus (PM) Sulfur Dioksida (SO ₂) Nitrogen Dioksida (NO ₂) Karbon Monoksida (CO)	Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia 2020	Empat (4) lokasi di kawasan reseptor sensitif yang terdekat	Pemantauan Berterusan semasa operasi.
	Paras Kebisingan	L10 L90 Leq Lmin Lmax	JAS: Garis Panduan Untuk Had dan Kawalan Bunyi Persekitaran, 2019 – Jadual Pertama: a) Zon Industri: 70 dBA pada waktu siang 65 dBA pada waktu malam. b) Kediaman Pinggir Bandar (Kepadatan Sederhana), Rekreasi: 60 dBA pada waktu siang 55 dBA pada waktu malam.		Pemantauan dan Laporan Suku Tahunan kepada JAS.
	Kualiti Air	Suhu pH BOD COD SS Minyak dan Gris Ammoniacal Nitrogen Iron Copper	Standard Kualiti Air Kebangsaan Kelas IIB	Tujuh (7) lokasi	Pemantauan dan Laporan Bulan kepada JAS.